

1

JAM di dinding kelas jelas menunjukkan ke angka 1.30 petang dan serentak dengan itu loceng sekolah berbunyi nyaring yang menandakan berakhirnya sesi persekolahan untuk hari itu.

Izara dan Adrianna yang merupakan pelajar di dalam kelas 5 Cemerlang bangun seraya mengemas buku-buku kemudian dimasukkan ke dalam beg galas masing-masing.

“Zara, kau nak balik rumah terus ke lepas ni?” soal Adrianna lalu bingkas menuju ke meja Izara.

“Tak kut, sebab aku ingat nak pergi *library* dulu lepas ni. *Hmmm*, kenapa kau tanya?” Izara mengerutkan keningnya yang tersusun rapi.

“Tak ada apa, cuma nak tahu saja. Manalah tahu kalau kau ada dating dengan Izham ke lepas ni... *Hehe...*” Adrianna tersengih bagai kerang busuk.

“Hah! Tolong sikit ya. Dating-dating kat kawasan sekolah ni bukan cara aku, okey. Aku kalau nak keluar dengan Iz, lebih baik aku cari tempat yang *best-best* macam kat taman bunga ke, kat *shopping mall* ke... Ha... Ada juga manfaatnya. Boring-boring menghadap muka Iz tu boleh juga aku cuci mata nanti. Kalau setakat kat dalam sekolah ni, baik tak payahlah...” jawab Izara dalam nada sinis.

Ada tawa kecil yang mengiringi kata-katanya.

“Wah! *Demand* ya kau sekarang. Aku *report* kat kau punya buah hati pengarang jantung kau nanti, baru tau...” usik Adrianna sambil mengetap bibir mongelnya.

Izara tertawa lagi dan kali ini ia kedengaran lebih kuat.

“Oiiit, aku gurau sajalah. Kau jangan nak lebih-lebih pula...” Pantas Izara mencelah ketika masing-masing mula mengayun langkah keluar dari kelas.

Beberapa orang pelajar yang lalu lalang di sekitar mereka langsung tidak dipedulikan. Mereka masih lagi berbicara dengan penuh rancak sehinggakan tidak menyedari akan sepasang mata yang begitu ralit memerhatikan mereka.

“Hai, rancaknya berbual sampai Aril lalu pun kau orang tak perasan...” sapa Aril Hakimi yang merupakan salah seorang pengawas di sekolah itu.

Adrianna dan Izara yang sedang rancak berbicara berpandangan antara satu sama lain selepas masing-masing kematian kata-kata.

“Aril, Ana ingat Aril dah balik tadi...” balas Adrianna perlahan.

Aril menerbitkan sejuring senyuman di bibirnya lantas menambahkan lagi ketampanan wajah lelaki itu.

Izara terpesona seketika dengan senyuman itu.

Terpaku sejenak Izara melihat senyuman yang meniti di bibir Aril Hakimi itu yang bisa merobek jantungnya. Jika bukan kerana hatinya telah dimiliki oleh jejaka bernama Khairul Izham yang juga merupakan sahabat baik Aril Hakimi, tentu sahaja hatinya akan tertawan dengan lelaki itu.

His, jangan merepeklah, Zara. Aril tu kan dah sah-sah buah hati sepupu kau. Takkan kau nak rampas dia kut? omel hati kecil Izara sendirian.

Di sekolah itu, Aril merupakan jejak idaman bagi setiap pelajar perempuan yang menuntut di situ namun masing-masing hanya mampu mengeluh hampa kerana Adrianna terlebih dahulu berjaya menawan hatinya.

Izara sendiri tidak pasti sejauh mana hubungan yang terjalin antara mereka lantaran dia sendiri tidak begitu rapat dengan Aril, hanya sesekali berbual jika terserempak dengan lelaki itu bersama Adrianna mahupun Izham. Namun yang dia tahu, sepupunya Adrianna sangat meminati jejak itu.

Statusnya sebagai anak tunggal kepada salah seorang usahawan yang berjaya di Malaysia membuatkan saham Aril di sekolah sentiasa melonjak naik. Kerana itu jugalah dia sering menjadi perhatian setiap gadis walau di mana sahaja kakinya melangkah.

Namun Aril sangat berbeza jika hendak dibandingkan dengan anak orang kenamaan yang lain. Aril seorang yang sangat merendah diri dan amat mementingkan pelajarannya. Mungkin kerana itulah dia diangkat menjadi salah seorang pengawas sekolah walaupun baru sahaja berpindah ke sekolah itu.

"Kejap lagi Aril ada latihan bola dengan Izham. *Hmmm*, ada nampak dia tak?" Aril mengajukan pertanyaan.

"Izham? Zara tak pastilah pula. *Maybe* dia kat *library*..." jawab Izara acuh tak acuh.

Saat itu ada getar yang sudah mula bertamu dalam hati.

"Okey, kalau jumpa dia, boleh tak bagi tau suruh

dia turun padang?" Aril menyoal lagi sambil memandang tepat ke arah Izara.

Izara hanya mengangguk perlahan sambil menundukkan wajahnya. Entah kenapa sedari dulu dia sentiasa cuba mengelak dari bertentang mata dengan Aril Hakimi. Bukan kerana kasihnya telah beralih arah, namun kerana dia dapat merasakan pandangan Aril yang tajam bagai mampu menembusi tembok hatinya. Dia tidak mampu menahan rasa getar yang mencengkam jiwa dek panahan mata itu.

Ah, patutlah lelaki ini sentiasa menjadi perhatian ramai. Renungannya saja dah cukup mencairkan, belum pun lagi melihat dia tersenyum. Silap hari bulan boleh gugur semua jantung gadis kat sekolah ni dek senyumannya yang berbisa itu... desis Izara dalam hati.

"Oh, patutlah kau beria-ia sangat nak pergi *library* tadi, rupa-rupanya ada orang yang sedang menanti kat sana ya? Tadi bukan main lagi cakap tak nak berdating kat kawasan sekolah, tak ada kelas kononnya. Sekarang macam dah tak sabar-sabar pula nak jumpa buah hati kau tu sampai tak sempat tunggu balik rumah..." usik Adrianna dalam nada sinis.

Gadis tinggi lampai itu tersenyum simpul penuh makna sambil menjeling manja ke arah Aril yang hanya berpeluk tubuh. Sementara pada masa yang sama, wajah Izara mulai berubah kemerahan.

"Biarlah dia orang. Itu kan hak privasi masing-masing..." celah Aril secara tiba-tiba.

"His, mana ada aku berjanji nak jumpa Iz kat sana. Semuanya kebetulan aje, okey. Iz bagi tau aku, dia ada *assignment* nak buat dan aku pula nak siapkan *homework*

yang cikgu bagi tadi. Itu saja..." tukas Izara bagi mempertahankan dirinya.

Bersungguh-sungguh dia menerangkan keadaan yang sebenar agar tidak ada yang tersalah tafsir akan niatnya. Tapi kalau betul pun ada yang tersalah tafsir, apa masalahnya?

"Yalah tu, Cik Izara Aisyah..." sambung Adrianna lagi masih dengan sindirannya.

Izara dan Adrianna ibarat isi dengan kuku. Mereka tidak bisa dipisahkan lagi kerana pertalian darah yang terjalin antara mereka yang membuatkan hubungan antara mereka semakin hari menjadi semakin akrab.

Izara tinggal bersama Adrianna dan ibunya, Puan Rohana yang juga merupakan ibu saudaranya semenjak gadis itu menginjak ke usia dua belas tahun lagi. Dia kehilangan kedua-dua ibu bapanya dalam satu kemalangan jalan raya yang amat tragis dan sejak itulah juga Izara menumpang secebis kasih daripada Adrianna dan ibunya.

Puan Rohana yang merupakan seorang ibu tunggal mengusahakan sebuah restoran iaitu Restoran Selera Bonda untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka bertiga. Izara bertuah kerana Puan Rohana amat menyayanginya dan tidak pernah walau sekali dia membeza-bezakan kasih sayangnya antara mereka berdua.

Mungkin disebabkan itu, Izara sentiasa bertekad untuk menjadi yang terbaik demi untuk membalas jasa ibu saudaranya itu. Dia tahu jika Puan Rohana tiada, pasti kehidupannya tidak seindah hari ini. Dan tidak mustahil jika dia menjadi penghuni di rumah anak-anak yatim. Dia amat bersyukur kerana diterima baik oleh Adrianna dan ibunya.

“Zara gerak dulu. Ana, nanti kalau ada apa-apa, cari aku kat *library*, okey...”

Izara meminta diri untuk berlalu sambil memandang ke arah sepupunya yang masih bersama Aril. Sengaja sebenarnya dia memberi peluang kepada sepupunya itu untuk berduaan dengan jejak idamannya itu. Bukan selalu pun Adrianna mendapat peluang sebegitu.

Tanpa membuang masa, Izara mengayun langkah kakinya untuk ke perpustakaan yang terletak di tingkat dua bangunan sekolah itu.

Aril dan Adrianna hanya memandang dari kejauhan sehinggalah gadis itu hilang dari pandangan mata mereka.

Setibanya di tempat yang dituju, Izara melangkah masuk ke dalam pusat sumber itu. Waktu-waktu begini biasanya tidak ramai yang berada di perpustakaan. Jika ada sekalipun hanya segelintir pelajar yang memilih untuk pulang lewat kerana mahu menyiapkan dulu tugas sekolah yang diberikan oleh guru mereka termasuk dirinya sendiri.

Suasana yang lengang itu membuatkan Izara lebih selesa untuk menyiapkan tugas yang baru diberikan oleh gurunya tadi. Belum pun sampai sebaris ayat yang disalinnya, gadis itu dikejutkan dengan suara seseorang yang amat dikenalnya. Pantas dia mendongakkan kepalanya sambil memandang pada pemilik suara itu yang sedang berdiri di hadapannya sambil tersengih.

“Hai, sorang saja ke?” Izham menyapa gadis itu.

“Iz nampak Zara berdua ke bertiga?” Izara membalasnya.

“Macam marah saja bunyinya... Sejak bila pula

awek Iz ni garang semacam aje ni?" Izham berjenaka sambil cuba menarik perhatian gadis yang berada di hadapannya.

Jejaka itu menarik kerusi lalu terus melabuhkan punggungnya di depan Izara. Gadis itu langsung tidak mengendahkannya.

"Comel pula rasanya Zara hari ni. Kenapa ya?" Izham cuba memancing rasa gadis itu yang kembali menyalin nota dari buku yang terbentang di depannya.

"Sini *library* okey, orang datang sini nak studi, bukan nak berbual kosong..." sampuk Izara sambil memperlahankan nada suaranya. Bimbang jika mengganggu perhatian pelajar lain yang sedang khusyuk dengan tugas masing-masing.

"Iz buat apa kat sini? Bukan Iz ada latihan bola dengan Aril ke sekarang? Tadi dia cari Iz dan dia pesan, suruh Iz turun ke padang sekarang..." tokoh Izara lagi sambil memandang jejaka itu.

Izham hanya tersenyum sambil memandang Izara dengan pandangan yang tidak berkelip.

Gadis di depannya itu memang comel. Sekali pandang memang ada iras-iras Emma Maembong. Kulitnya yang putih gebu dan bibirnya yang kemerahan bak delima merekah bisa membuatkan mana-mana kaum Adam terpesona dengannya. Mungkin kerana itu Izham tidak mengambil masa yang lama untuk menambat hati Izara. Bimbang juga jika dibiarkan perasaannya terpendam lama, akan ada kumbang lain yang terlebih dulu merampas bunga idamannya ini.

Dari awal lagi Izham memang suka mengusik Izara. Kerana usikan itulah Izara terpaut hati kepada lelaki itu yang juga merupakan antara pelajar terbaik di sekolah

mereka. Mereka saling mengenali antara satu sama lain sejak tingkatan satu lagi dan sejak itu hubungan persahabatan yang terjalin antara mereka semakin utuh sehinggalah ia membibitkan rasa cinta dalam hati mereka.

Walaupun begitu, kasih sayang yang mula bercambah itu tidak sedikit pun mengganggu pelajaran mereka dan Izara sentiasa memastikan dia sentiasa mendapat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan yang didudukinya.

Kerana itu adalah antara amanah kedua-dua ibu bapanya yang ingin melihat dia berjaya di dalam pelajarannya. Selain itu dia ingin sekali membalas jasa mak longnya yang telah banyak berbakti kepadanya.

"Relakslah sayang, awal lagi ni..." balas Izham sambil melirik jam di pergelangan tangannya.

"Rajin buah hati Iz ni kan? Ini yang buat Iz makin sayang ni..." Izham mencapai sebatang pen yang berada di atas meja sebelum mengetuk-ngetuk pen itu ke meja beberapa kali bagaikan cuba mencuri perhatian gadis pujaannya itu.

Izara tersenyum bersahaja sambil menampakkan barisan giginya yang putih bersih.

"Iz nak apa kacau Zara ni?"

"Iz nak Zara la..."

Izara mempamer senyum lagi dan kali ini kemanisan senyuman itu membuatkan Izham semakin galak dengan mengenyitkan matanya ke arah gadis itu beberapa kali.

Izara menekup bibir cuba menahan tawa yang bakal terletus. Usikan Izham sentiasa menjadi terapi untuk

dirinya menghilangkan segala kebosanan dan kekusutan yang melanda.

“Jom tengok wayang malam ni?” Tiba-tiba Izham mengusulkan pelawaan sambil mengharapkan reaksi positif daripada gadis itu.

Dia memandang Izara dengan seribu harapan.

Perlahan-lahan Izara mendengus lemah.

“*Sorry, Iz. Exam* kita kan dah dekat. Zara nak studi malam ni. Lain kali aja, okey...” tutur Izara dengan lembut. Nada suaranya masih diperlahankan agar tiada yang mendengar perbualan mereka.

Dapat dilihat dengan jelas akan perubahan wajah Izham saat itu sekali gus menimbulkan rasa serba salah dalam hati Izara.

“*Fine!* Orang dah tak sudi, mana boleh paksa kan...” keluh Izham dengan wajah yang mencuka.

“*Iz, tolonglah.* Zara bukan tak sudi tapi Iz tahu kan Zara macam mana? Hujung minggu ni kita keluar, okey...” tukas Izara separuh memujuk.

Ada sinar ceria kembali menghiasi wajah lelaki itu diikuti dengan senyuman nakal di bibirnya.

“*Oiiit, termenung* apa lama sangat tu?”

Tiba-tiba satu suara mengejutkan Izara daripada lamunan yang panjang. Pantas dia menoleh pada Umaira yang telah pun berada di sebelahnya. Dan serta-merta bayang Izham mulai menghilang dari ruang mata.

Ya Allah, aku mengelamun rupa-rupanya. Terlalu indah kenangan lalu sehingga aku tidak sedar akan masa yang berlalu.

Izara meraup wajah dengan telapak tangannya

beberapa kali sambil melepaskan sebuah keluhan.

Ah, rupa-rupanya Izham hanya hadir dalam lamunan aku. Mungkinkah aku rindukan dia? bisik Izara sendirian.

“Apa yang kau menungkan tu? Dari tadi lagi aku tengok kau tercegat kat balkoni ni... Kau rindukan famili kau kat Malaysia ke?” Umaira yang merupakan teman serumah dengan Izara di kota London itu menyoyal.

“Siapa yang tak rindukan keluarga, Aira? Aku rindukan segala-galanya yang aku tinggalkan di sana,” terang Izara perlahan dengan nada sayu.

“Yalah, sedar tak sedar dah dua tahun kita belajar kat London ni kan, Zara? Aku pun rindu sangat-sangat kat keluarga aku di kampung tu,” sahut Umaira kemudiannya.

“Hmmm, aku pun...” Izara memuncungkan bibirnya yang mongel.

Tika memori lalu singgah di ruang fikiran, Izara tidak mampu menahan rasa sebak di dada. Dia amat merindui kenangan manis ketika masih berada di bangku sekolah menengah bersama sepupunya Adrianna yang kini sedang melanjutkan pelajarannya di Universiti Utara Malaysia.

Kenangan-kenangan itu bagaikan baru semalam berlaku dalam hidupnya dan hari ini apabila dia mengingati kembali memori itu, dia hanya mampu mengenang detik itu dalam lipatan sejarahnya. Kenangan yang mengganggu fikirannya setiap detik dan ketika.

Selepas mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaannya, Izara ditawarkan untuk melanjutkan pelajarannya di University of Plymouth yang terletak di Kota London. Sesuatu yang sangat tidak pernah dijangka

apabila Aril turut sama mendapat tawaran dari universiti yang sama dan demi untuk merealisasikan cita-cita masing-masing, Izara dan Aril akhirnya berangkat ke Kota London berbekalkan semangat untuk mencapai impian mereka.

Manakala Izham pula menyambung pelajarannya di universiti tersohor tanah air iaitu Universiti Malaya.

Masih diingat dengan jelas, pertama kali menjejak kaki di bumi asing ini membuatkan Izara kekok sebelum dapat menyesuaikan dirinya dengan keadaan di sekitarnya. Memang bukan sesuatu yang mudah untuk gadis Melayu seperti mendiami kota ini yang penuh dengan budaya barat. Namun bumi asing ini jugalah yang membuatkan hubungan persahabatannya dengan Aril terjalin erat berbanding sebelum ini.

Aril melindunginya bagaikan seorang abang dan semakin hari Izara semakin selesa untuk mendekati lelaki itu jika mahu dibandingkan dengan sebelum kedatangan mereka ke kota ini. Mungkin kerana di tempat yang terasing ini, Izara tidak punya sesiapa melainkan dia.

Dalam tak sedar, setiap hari kemesraan antara mereka kian mekar umpama kelopak bunga yang mulai berkembang. Dan diam-diam Izara semakin menyenangi lelaki yang sering mendampinginya itu. Patutlah Adrianna dulu sangat menggilainya. Rupa-rupanya lelaki ini punya aura tersendiri yang mampu membuatkan seorang gadis terpicat dengannya termasuk dirinya sendiri!

2

IZARA menyusun langkah menyusuri sekitar kawasan Tower Bridge sambil anak matanya meliar ke sekeliling dan mengamati alam ciptaan Tuhan itu. Beberapa pengunjung dari segenap pelosok dunia yang membanjiri kawasan itu langsung tidak diendahnya.

Aril yang berada tidak jauh dari situ leka memerhati gelagat Izara dengan senyuman yang sentiasa terukir di bibir. Sambil duduk menyandar di bangku yang tersedia di laman itu, Aril meneguk minuman Coca-Colanya dengan penuh nikmat.

"Hmmm, cantik sangat tempat ni kan? Macam tak puas saja jalan kat sini..." kata Izara ketika menghampiri lelaki itu.

Dia melabuhkan punggung di sebelah Aril sambil menggosok kedua-dua belah tapak tangannya. Dia cuba menahan rasa sejuk yang kian mencengkam.

Dengan suhu dingin yang hampir mencecah ke angka 10 darjah Celsius, Izara dan Aril hampir-hampir mengalami selesema.

"Minum..." Aril menghulurkan tin minuman Coca-Cola kepada Izara dan gadis itu pantas menyambutnya.

"Thanks..." ucapnya perlahan lalu segera menghirup minuman itu dengan rakus.

“Dah banyak kali datang sini pun masih tak puas-lagi ke?” tanya Aril sambil memandangi gadis di sebelahnya.

Izara tersenyum manja.

“Kat London ni masih banyak tempat-tempat menarik. Nanti kalau Aril ada masa, Aril akan bawa Zara pusing-pusing sekitar London ni, okey...” tukas Aril lagi.

Izara mengangguk bersama sejuring senyuman.

“*Promise* tau...” Izara melentok manja di sisi Aril sementara lelaki itu membuang pandang ke arah kanak-kanak yang berlari-lari di sekitarnya.

“*Yup, promise...*” balas Aril spontan.

Izara tersenyum girang bagai anak kecil yang dituruti kemahuannya. Hampir dua tahun berada di kota metropolitan ini, namun Izara jarang sekali mempunyai kesempatan untuk menjelajahi negara itu kerana terikat dengan tanggungjawabnya sebagai pelajar. Masanya banyak dihabiskan dengan menghadiri kuliah dan menyiapkan tugas yang diberikan kepadanya.

Jika hari-hari cuti, dia lebih gemar menghabiskan masanya di rumah dengan menelaah pelajaran bersama teman serumahnya, Umaira.

Cuma sesekali dia berpeluang untuk keluar, itupun selepas puas didesak oleh Aril mahupun Umaira. Jika tidak, memang dia lebih memilih untuk berkurung di rumah apatah lagi tatkala musim sejuk mulai bertandang.

“Aril tak ingat dekat Ana ke?” Izara bersuara lagi selepas menyepi untuk seketika. Dia mencuri pandang pada lelaki di sebelahnya itu sambil menanti jawapan daripadanya.

Saat itu, dia sangat mengharapkan sebuah jawapan daripada lelaki di sebelahnya. Dia mahu tahu akan kebenaran itu. Jika Aril katakan dia merindui Adrianna, adakah hatinya mampu menerima semua itu?

“Kenapa tanya macam tu?” soal Aril kembali.

“*Nothing, just* nak tahu saja...” jawab gadis itu acuh tak acuh.

Aril memandang tepat pada Izara dan tiba-tiba ada tawa yang terletus dari bibir lelaki itu. Entah sebab apa yang diketawakannya, Izara sendiri tidak pasti.

“Apa yang lucu sangat dengan soalan Zara tadi?” tanya gadis itu sambil menarik muka masam.

Aril ketawa lagi. Kali ini ia semakin kuat. Izara hanya mampu menahan geram.

“Okey, kalau setakat nak gelakkan Zara, baik Zara balik saja...” Pantas gadis itu mencapai beg galasnya dan cuba untuk beredar namun segera dihalang oleh Aril.

“Zara... Zara, tunggu dulu...” panggil Aril lalu segera menarik pergelangan tangan gadis itu.

Serta-merta langkah Izara terhenti dan dia memuncungkan bibir mongelnya sebagai tanda protes.

“*Sorry* okey. Aril tak ada niat nak sakitkan hati Zara...” ucap lelaki itu dengan lembut.

“Pasal soalan Zara tadi, dah tentu Aril ingatkan Ana, sama macam Zara ingatkan Iz. Kenapa, Zara rindukan Iz ke?” usik Aril sambil berpeluk tubuh.

Izara mendengus perlahan. Angin yang menyapu lembut helaian rambutnya sekadar dibiarkan. Sesekali rambutnya yang dibiarkan terurai itu menari-nari mengikut alunan bayu itu.

"Zara rindukan Ana dengan mak long..." tutur Izara perlahan.

Aril terdiam. Seketika kemudian timbul rasa bersalah di benaknya kerana menyakat gadis itu sebentar tadi.

Aril menatap wajah manis di depannya itu lama-lama. Ada redup dari sinar matanya yang menggambarkan akan sebuah kerinduan yang tidak mampu diucapkan.

Izara membalas renungan Aril sambil memaksa sebuah senyuman di bibirnya. Sejak kebelakangan ini rasa rindunya kepada mak long dan Adrianna semakin menebal. Memori bersama mereka sering singgah di layar ingatannya. Dia gagal melawan rasa rindu itu.

"Sorry..." ucap Aril perlahan.

Wajah Izara kembali ditenungnya dalam-dalam. Seulas bibir yang cantik terukir begitu sempurna pada seraut wajah bujur sirih itu.

"It's okay..." Izara tersenyum sambil menampakkan barisan giginya yang putih bersih.

"Hmmm, jom balik..." ajak Izara kemudiannya.

Lelaki itu akur. Dia mengangguk-anggukkan kepalanya beberapa kali lalu mula mengatur langkah mengikuti langkah Izara yang sudah mendahuluinya. Dalam keadaan ini, dia hanya mahu menuruti kemahuan Izara. Dia tahu Izara sedang dilanda kerinduan yang amat sangat. Namun apakah dayanya ketika itu.

Malam itu, usai menyarungkan pijama tidurnya, Izara melangkah lemah ke arah jendela kamar. Sambil berpeluk tubuh menahan kedinginan malam yang semakin menggigit, Izara melempar pandang jauh-jauh ke luar

jendela. Angin yang menyusup masuk melalui celah-celah tingkap sesekali menyapa lembut pipi gebunya. Namun segalanya bagaikan tidak diendahkan gadis itu.

Ada sesuatu yang mula menjentik fikirannya ketika itu. Sesuatu yang membuatkan dia mula tersenyum sendiri saat kenangan lama mula terimbau di ruang fikiran.

Sambil leka memerhati ke arah bintang-bintang yang bersinar cantik menghiasi tabir langit, wajah Adrianna mula menerobos kotak fikirannya.

Izara tersenyum sendiri tika mengingati momen itu.

“Zara, kau rasa kan, Aril akan lupakan aku tak suatu hari nanti?” Adrianna menyoal pada suatu malam ketika Izara sedang sibuk melipat pakaiannya untuk dimasukkan ke dalam bagasi.

Ada sebuah keluhan yang mengakhiri pertanyaannya.

“Kenapa kau tanya aku macam tu?” Izara menyoal dalam kebingungan.

“Tak adalah. Aku cuma takut lepas kau dengan Aril pergi sana nanti, perasaan dia kepada aku akan berubah. Aku takut kat sana nanti dia akan...”

“Akan apa? Akan jatuh cinta dengan aku?” pintas Izara diiringi dengan tawa kecil.

Adrianna tersenyum tawar bagai menggambarkan gelodak perasaan yang dihadapinya.

“Bukan tu maksud aku, Zara. Aku tahu kau tak akan khianati aku...” balas Adrianna sambil melabuhkan duduk di atas tilam empuk itu. Ketika itu sempat dia mengemaskan ikatan rambutnya yang hampir terlerai.

“So, kau nak risau apa? Jangan bimbanglah Ana, aku akan jaga Aril kau tu baik-baik. Aku tak akan benarkan mana-mana minah mat salih pun dekat dengan dia...” Izara bersuara dengan lantang.

Masing-masing ketawa kecil.

“Aku percayakan kau, Zara. Kau pun jangan risau pasal Izham ya. Aku akan tengok-tengokkan dia...”

“Tengok aja, okey. Jangan nak lebih-lebih pula...” Izara mencelah lagi. Kali ini dengan nada gurauan.

“His, Izham tu bukan ‘*taste*’ aku ya. Hati aku cuma untuk Aril sorang saja tau,” bidas Adrianna sambil menjeling ke arah Izara yang sedang memasukkan pakaiannya ke dalam bagasi.

Izara ketawa geli hati.

“Tapi pernah tak kau terfikir kalau suatu hari nanti Aril benar-benar kahwin dengan minah mat salih?” duga Izara sambil menjeling pada sepupunya.

Serta-merta rona wajah Adrianna berubah.

“Aku dengarlah kan, perempuan-perempuan mat salih kat sana semuanya cantik-cantik belaka. Kulit dia orang pun putih-putih gebu, bukan macam kulit orang Malaysia ni...” sambung Izara cuba memancing rasa cemburu dalam hati Adrianna.

“Ya ke, Zara? Habis tu macam mana ni? Kalau Aril betul-betul suka kat salah seorang perempuan kat sana nanti macam mana dengan aku?”

Wajah Adrianna kelihatan cemas membuatkan Izara semakin teruja kerana sasarannya mengena.

“Nak tak nak kau kena reda sajalah nanti...” balas Izara sambil cuba menyembunyikan tawanya.

Adrianna merengus perlahan.

"Mana boleh macam tu. Akan aku pertahankan Aril sampai ke lubang cacing manapun. Aku tidak akan benarkan mana-mana perempuan pun yang rampas dia dari aku termasuk kau sekalipun," bentak Adrianna dengan wajah garangnya.

Izara tertawa kuat mendengar kata-kata Adrianna membuatkan gadis itu memandangnya dengan riak hairan.

"Kenapa kau gelak pula ni?" tanya Adrianna dengan hairan.

"*Nothing*. Aku cuma tak sangka kau akan pertahankan Aril sampai macam tu sekali. Nampak sangat yang kau ni memang dah tahap *cintan* maut dengan mamat tu," usik Izara masih lagi dengan tawanya yang belum berpenghujung.

"Mestilah. Sebab dia lelaki pertama yang aku sayang dan aku akan pastikan dia jadi lelaki yang terakhir," kata Adrianna bersungguh-sungguh.

Izara mengangguk berulang kali sebagai bersetuju dengan kata-kata Adrianna. Cinta pertama memang kebiasaannya sukar dikikis dari lubuk hati, fikir Izara sendirian.

"Belum tidur, Zara?" tanya Umaira yang menjengah secara tiba-tiba.

Izara tersentak dengan teguran itu lantas segala ingatan pada kenangan lalu terlucut dengan serta-merta.

Segera dia menoleh pada Umaira yang sudah pun berdiri di sebelahnya sambil menghadaikan sebuah senyuman.

"Kau ni Aira, suka sangat buat aku terkejut tau.

Dah tak reti bagi salam ke?" omel Izara sambil merengus.

Umaira hanya tersengih.

"Eh, kau salahkan aku pula. Kau yang termenung panjang tadi, sampai aku masuk pun kau tak sedar..." Umaira membalas omelan temannya seraya berpeluk tubuh.

"Mana ada aku termenung. Aku ambil angin aje tadi..." Gadis itu berdolak-dalik.

"Hmmm... Yalah tu. Jangan nak tipu aku la, Zara. Macamlah baru sehari dua aku kenal kau." Umaira bersuara sinis.

"Kau ni kan Aira, tak ada peluang langsung aku nak berahsia dengan kau ni kan? Semua pasal aku, kau mesti tahu..." sela Izara dengan riak bersahajanya.

"Ha... ha... ha... Tahu pun kau. Aku ni kan sahabat terbaik merangkap *assistant* kau. *Of course* aku ambil tahu semuanya pasal kau," tukas Umaira lagi.

"Aku rindukan Malaysia la, Aira..." akui Izara sambil membuang pandangan jauh ke luar.

"Alah Zara, kita kat tempat orang ni. Janganlah ikutkan sangat perasaan kau tu. Aku pun rindukan kampung aku, tapi apa boleh aku buat. Lainlah kalau aku ni Superwoman, ada power. Kejap terbang sana, kejap terbang sini. Tak apalah macam tu..." tokok Umaira berjenaka. Izara tersenyum lebar mendengar celoteh temannya.

"Kau tahu tak, Aira... Kalau kau tak ada, mesti boring hidup aku kat sini kan..." luah Izara lagi dengan nada suaranya yang sedikit kendur.

"Opppsss... Yang tu kau tak bagi tau pun aku dah boleh tau dengan sendirinya. *Hu... hu...*" usik Umaira lagi sambil tersengih.

Izara berlalu ke birai katil sebelum merebahkan badannya ke atas tilam empuk itu manakala Umaira pula melangkah perlahan ke arah daun pintu.

“Kau tidurlah, aku pun dah mengantuk ni. Kau jangan nak sambung mengelamun pula nanti...” pesan Umaira dalam gurauan.

“Yup Cik Umaira, saya tidur terus lepas ni ya...” balas Izara sambil disambut dengan deraian tawa oleh Umaira.

Malam kian melabuhkan tirainya, namun mata Izara masih terbuka luas. Izara akhirnya memejamkan mata dan memaksa diri untuk terlena biarpun hakikatnya segala kenangan yang menjengah dalam ingatannya seketika tadi telah menghilangkan segala rasa mengantuknya.

Dia terlelap dengan seribu harapan semoga hari esok akan bersinar lagi untuknya. Semoga esok yang bakal mendatang akan menjanjikan sebuah kebahagiaan buatnya.

PAGI minggu itu, tatkala fajar mula menyingsing, Aril dan Izara tiba di Hyde Park untuk berjoging. Hyde Park ialah sebuah taman yang sangat terkenal dengan kecantikannya dan kerana itu ia disenaraikan antara taman paling cantik di dalam dunia.

Rata-rata warga kota itu biasanya memilih taman itu untuk melakukan aktiviti berjoging pada pagi hari. Jadi tidak hairanlah jika ramai warga kota yang kelihatan pada pagi itu.

Masa cuti yang ada mereka peruntukkan dengan

aktiviti riadah seperti itu. Pada awalnya Izara agak keberatan untuk mengikut Aril namun setelah dipujuk berkali-kali oleh lelaki itu, Izara akhirnya memberi persetujuan. Baginya dia lebih selesa menyambung tidur di rumah jika tiada kuliah pada pagi hari daripada terpaksa berjoging pada pagi hari. Lagipun dia dah cukup kurus untuk bersenam.

Dalam terpaksa, Izara membuntuti langkah Aril di sekitar kawasan itu sambil dia mengamati keindahan panorama di taman itu. Taman itu memang cantik. Saujana mata memandang.

“Larat ke nak joging ni?” tanya Aril kepada Izara apabila menyedari gadis itu mula mengelap sisa peluh di dahinya.

“Aik! Tengok oranglah. Aril ingat Zara tak pernah joging ke sebelum ni...” sahut Izara dengan pantas.

Aril ketawa sendirian.

“Aril tak kata pun Zara tak pernah joging sebelum ni. Aril tanya saja. Kalau Zara penat, kita boleh berhenti sekejap...” Lelaki itu menyusun kata.

“Tak apa, Zara larat lagi ni...” jawab Izara dengan penuh yakin sebelum berlari meninggalkan Aril sendirian.

Lelaki itu membuntutinya dari belakang.

“Aril, cepatlah datang sini...” panggil Izara apabila menyedari lelaki itu ketinggalan di belakang.

“Tadi cakap macam kuat sangat... Sekarang, dia pula yang lambat...” ejek Izara sinis.

“Excuse me! Aril sengaja aje bagi peluang kat Zara tau. Boleh aje nak pecut tadi, tapi kesian kat orang tu, nanti nangis pula...” usik Aril lalu tanpa sedar mencuit hidung

gadis itu dengan lembut.

Izara mengusap-usap hidungnya beberapa kali bagaikan terasa dengan cubitan itu.

“Jahat tau...” regeknnya manja cuba memancing simpati Aril manakala lelaki itu hanya tergelak.

Izara melompat-lompat seketika untuk memanaskan badannya manakala Aril pula rakus meneguk minuman dari dalam botol untuk menghilangkan rasa dahaganya.

Namun tiba-tiba terdengar jeritan kecil terlontar dari bibir Izara. Aril yang menyedarinya segera mendapatkan gadis itu yang jatuh terpelecok di atas laman pejalan kaki.

“Sakit...” keluh Izara perlahan sambil mengerutkan keningnya. Dia mengetap bibir sambil cuba menahan rasa sakit yang kian mencengkam.

Aril panik seketika melihat keadaan Izara yang jatuh hingga menyebabkan kakinya terseliuh.

“Macam mana boleh jatuh ni?” tanya Aril sambil cuba membantu Izara untuk bangun.

“Aril la ni. Kalau Aril tak ajak Zara datang sini, mesti Zara tak jatuh tadi...” bentak Izara sambil menahan sakit.

“Kita pula! *Hmmm...*”

Izara dipapah oleh Aril untuk melangkah ke arah bangku tidak jauh dari situ. Perlahan-lahan Aril membantu Izara duduk di atas bangku yang telah tersedia sebelum lelaki itu pantas menanggalkan kasut sukan di kaki gadis itu lalu mengamati pergelangan kakinya yang terseliuh.

“Aril, perlahan-lahan sikit... sakit tau...” marah Izara

sambil kembali mengetap bibir.

“Terseliuh sikit aje ni... Manja aje lebih,” dengus Aril lagi sebelum memicit pergelangan kaki gadis itu.

“Aril ni tak prihatin langsung tahu tak? Hairan Zara macam mana Ana boleh sayang sangat kat Aril ni...” komen Izara yang masih lagi menahan sakitnya.

“Cinta tu kan buta. Izham pun bukan okey sangat pun tapi Zara tetap jatuh cinta dengan dia...” tokoh Aril mempertahankan dirinya.

“Ya, *maybe* tapi rasanya Izham tu baik sikit kut daripada Aril...” Suara Izara kedengaran lagi.

“Jom Aril papah balik...” kata Aril lalu menghulurkan tangannya kepada gadis itu.

“Tak payahlah. Zara boleh jalan sendiri...” sahut Izara sambil menjeling tajam ke arah lelaki itu. Tangan lelaki itu segera ditepisnya dengan kasar.

Dia cuba memaksa diri untuk bangun dan melangkah namun kesakitan yang kian dirasai menjadi penghalangnya.

“Aduh...” Izara kembali mengetap bibir menahan rasa perit itu.

“Degil betullah anak dara sorang ni...” ngomel Aril lalu dengan pantas merangkul pinggang Izara dan mula mendukungnya.

Izara terkesima dengan tindakan Aril namun tiada sebarang reaksi yang dipamerkannya. Kalau sekalipun dia memberikan tindak balas, rasanya ia sudah pun terlambat. Aril telah terlebih dulu merangkul pinggangnya ketika itu. Dia sekadar membatukan diri saat lelaki itu mula melangkah meninggalkan taman itu.

Saat itu, jantung Izara berdegup kencang. Sesekali dia cuba mencuri pandang ke arah Aril, kemudian melarikan pandangan apabila menyedari anak mata mereka bertentangan.

Ah! Perasaan apa yang mula wujud dalam hati ini sehingga membuatkan dada aku bergetar begini? hati kecil Izara berbicara sendiri.

“Kenapa tiba-tiba terus diam ni? Bukan tadi suka sangat memebel ke?” Suara Aril menerjah ke cuping telinga Izara.

“Nak dengar Zara memebel lagi ke?” tanya Izara kembali sambil mengemaskan pautan pada bahu Aril.

Aril hanya menjawab pertanyaan Izara dengan sebuah senyuman.

“Hmmm, berat juga Zara ni ya. Nampak aje macam kurus...” usik Aril sambil mengerutkan keningnya yang tersusun rapi.

“Turunkan Zara kat sini. Nampak sangat orang tu tak ikhlas nak tolong kita...” protes Izara seakan-akan merajuk.

Aril hanya tersengih mendengar celoteh gadis itu yang menggeletek hatinya.

“Kuat merajuk juga Zara ni, kan? Macam manalah Izham tu boleh bertahan?” ulas Aril lagi. Dipandangnya raut wajah Izara yang semakin kelat tika itu dan Aril makin tersenyum geli hati.

Dalam hati, dia terpaut seketika dengan keayuan wajah gadis itu apabila dia merajuk. Izara pantas mencubit lengan lelaki itu untuk melepaskan geram dan ketika itu Aril mengaduh kesakitan.

“Oh! Main kasar ya...” Aril menjegilkan anak matanya ke arah Izara manakala gadis itu tersenyum dalam kepuasan.

“Padan muka...” sindir Izara dengan sinisnya.

3

“**HAI...**” sapa Umaira yang muncul di muka pintu rumah teres dua tingkat yang disewa oleh mereka. Izara yang sedang leka dengan komputer ribanya menoleh sambil menghadiahkan secalit senyuman.

“Tak keluar malam ni?” Umaira bertanya sambil melangkah ke ruang dapur.

“Malaslah, aku tak ada *mood*.” Izara menjawab dengan spontan.

“*Aik!* Mana terbangnya *mood* kau tu? Gaduh dengan Aril ke?” Umaira cuba meneka.

“Aril tak ada kena-mengena ya. Aku dengan dia bukan ada apa-apa pun...” pantas Izara membalasnya sekaligus menepis sangkaan teman serumahnya itu.

Umaira tergelak kecil.

“Kaki kau yang terseliuh tu macam mana, dah okey?” tanya Umaira sambil melangkah dari ruang dapur.

“Dah, Aril dah tolong aku urut hari tu. Hari ni dah makin okey,” jelas Izara kemudiannya.

Umaira mengangguk perlahan sambil tersenyum sendirian.

“Zara, aku tengok kan Aril tu macam syok kat kau aje. Kau orang ni ada apa-apa ke?” soal Umaira sambil menghalakan langkahnya ke arah Izara.

Secawan muk berisi teh panas diletakkan di hadapan gadis itu manakala secawan lagi dihirupnya dengan penuh nikmat.

"Nonsense la, Aira. Untuk pengetahuan kau, Aril tu dah berpunya tau..." terang Izara sambil menyandar di kerusi.

Dia menghela nafas panjang ketika itu.

"Biar betul kau, Zara? Sepanjang kita kat sini, aku tak pernah pun nampak Aril tu dengan mana-mana perempuan selain kau..." bidas Umaira seakan-akan tidak percaya dengan kata-kata Izara.

"Actually, Aril tu *boyfriend* sepupu aku, Adrianna yang studi kat Malaysia sekarang. Dulu masa masih sekolah, aku, Aril, Ana dengan Izham rapat sangat. Ke mana pergi, kami mesti berempat. Lepas dapat *result exam*, aku dengan Aril tak sangka yang permohonan kami untuk sambung studi kat *overseas* berjaya, Ana dan Izham pula tak dapat..." cerita Izara panjang lebar dan Umaira mendengarnya dengan penuh khusyuk.

"Izham? Siapa Izham?" soal Umaira penuh tanda tanya.

Sepanjang dia mengenali gadis itu dan tinggal serumah dengannya, baru kali ini dia mendengar akan nama itu meniti di bibir Izara.

Izara mendengus perlahan sambil tangannya menggenggam erat muk berisi teh panas yang belum terusik itu.

"Izham, dia kawan lelaki yang paling rapat dengan aku kat sekolah tu dulu..." terang Izara lagi.

Termangu seketika Izara saat itu apabila nama

Izham kembali meniti di ulas bibirnya. Hakikatnya dia sudah lama tidak berhubung lagi dengan pemilik nama itu yang suatu ketika dulu pernah singgah mewarnai hidupnya. Kini, dia sendiri tidak pasti adakah Izham masih mengingatnya atau tidak.

Sejak melanjutkan pelajarannya dalam bidang perubatan di Universiti Malaya, Izham bagaikan terus menyepi. Kesibukannya menggalas tanggungjawab sebagai pelajar mungkin menghadkan masanya sama seperti dia dan juga Aril.

Kalau dulu, saban minggu pasti ada sahaja berita daripada lelaki itu tidak kiralah sama ada melalui e-mel ataupun panggilan telefon. Namun sejak setahun yang lalu, ia semakin berkurangan dan sekarang, selepas dua tahun menjejak kaki di kota metropolitan ini, dia langsung tidak mendapat sebarang khabar berita daripadanya. Hanya sesekali dia mengetahui perkembangan Izham melalui Adrianna yang sentiasa menghubunginya dan Aril.

Tapi dia tidak pernah menyalahkan lelaki itu andai tiba-tiba dia berubah hati. Cinta sememangnya tidak boleh dipaksa. Dia akur andai Izham hari ini bukan lagi Izham yang dia kenal ketika di bangku sekolah menengah yang dulu.

“Oh! Maknanya kat sini kau dengan Izham dan Ana sepupu kau tu dengan Aril la ya...” duga Umaira lagi.

Izara mengangguk tanda mengiakan.

“Alah Zara, orang yang dah kahwin pun boleh bercerai-berai, inikan pula yang belum ada sebarang ikatan lagi. Aku yakinlah, Ana mahupun Izham tu *sure* dah ada pengganti kau orang sekarang. Lagipun, kau ingat senang ke nak bercinta jarak jauh sekarang ni? Banyak dugaannya

tu..." tingkah Umaira lagi.

"Aku tak pasti pasal tu, tapi yang aku pasti sekarang aku tak akan sesekali mengkhianati sepupu aku sendiri, Aira. Mak long dengan Ana banyak berkorban untuk aku. Sejak arwah mama dan papa aku meninggal, merekalah tempat aku menumpang kasih. Mak long tak pernah membezakan kasih sayangnya kepada aku mahupun Ana. Tak pernah walau sekali..." luah Izara merungkai gelodak rasa yang bersarang di pohon hati.

Ada mutiara jernih yang mula bertakung di kelopak mata, namun cepat-cepat dihalang Izara agar tidak menitis.

"Aku faham perasaan kau Zara, cuma aku harap kau jangan menolak takdir. Kalau suatu hari nanti, Aril ditakdirkan untuk kau, jangan menolaknya hanya kerana kau tak nak mengkhianati sepupu kau. Jangan zalim kepada diri sendiri..." ujar Umaira memberi nasihat.

Dia merapati Izara seraya menepuk bahu gadis itu sebelum berlalu memanjat anak-anak tangga menuju ke tingkat atas.

Izara sendirian mengimbau kenangan lalu biarpun hanya sipi-sipi memori yang tinggal.

Dia tersenyum kala wajah Adrianna menjengah kotak fikirannya dan sekali gus ingatannya terhadap gadis itu semakin membuak-buak.

Entah kenapa, sejak kebelakangan ini dia selalu termimpikan Adrianna. Setiap saat wajah gadis itu pasti akan muncul kala dia sendirian.

Masih jelas dalam ingatannya malam itu, saat dia mengenang kembali kejadian yang terjadi kepadanya ketika dia dan Adrianna masih berada di bangku sekolah

menengah.

Lewat petang itu, Izara mengetuk pintu kamar Adrianna dan belum pun sempat gadis itu memulas tombol pintu, daun pintu itu terlebih dahulu dikuak dari dalam.

"Laaa, belum siap lagi ke? Kita kan dah lambat ni..." tegur Izara ketika melihat Adrianna masih menyarung *T-shirt* dan jeans lusuh paras lututnya.

Adrianna mengayun langkah ke birai katil sambil menekan perutnya beberapa kali seolah-olah menahan kesakitan.

"*Sorry* Zara. Aku cirit-birit ni..." ujar Adrianna lalu merebahkan tubuhnya ke atas tilam.

"*So*, macam mana ni? Takkan kau nak aku pergi sorang aje?" Izara mencebik bibir tatkala menyandar di meja mekap.

"Kita dah tak ada pilihan kan..."

"Tak *best* la macam ni, Ana. Kita kan dah janji. Lagipun nanti aku sorang aje perempuan, seganlah aku..." keluh Izara dalam nada hampa.

"Dah tu, nak buat macam mana lagi? Aku bukan sengaja pun. Tak apalah, kau pergi aje. Kesian pula kat Aril dengan Iz nanti kalau kau pun tak datang." Adrianna cuba memujuk sambil menggosok-gosok perutnya yang kian memulas.

"*Hmmm... Time-time* macam inilah kau nak cirit-birit. Esok-esok tak boleh ke?" ngomel Izara sambil kembali mencebikkan bibir.

"*Oiiit*, mak cik... Kau ingat sakit ni datang ikut arahan kita ke? Banyak cantik muka kau..." bidas Adrianna sebelum mencampakkan bantal ke arah sepupunya itu.

Izara cepat-cepat mengelak dan bantal itu jatuh mengenai pintu kamar.

Izara tergelak besar sambil menutup mulutnya dengan kedua-dua belah tapak tangannya.

“Okeylah kalau macam tu. Aku pergi dulu ya. Kau jaga diri baik-baik tau. Nanti kalau ada awek baru nak mengurat buah hati kau tu, jangan salahkan aku pula...” usik Izara sambil melangkah keluar dari bilik itu.

Adrianna hanya tersenyum mendengar usikan itu. Dia tahu Izara hanya sekadar bergurau dengannya dan kata-kata itu langsung tidak berbekas dalam hatinya.

Ketika tiba di pusat beli-belah Sunway Pyramid, bahu Izara dicuit seseorang dari belakang lalu dengan pantas dia menoleh seraya menguntum senyuman tatkala terpandangan wajah kakak Aril di hadapannya.

“Ana mana?” Pertanyaan itu terpacul keluar dari mulut Aril ketika terpandangan Izara bersendirian tanpa ditemani sepupunya.

“Ana tak dapat datang. Dia sakit perut...” jawab Izara dengan lembut.

“Okey... Macam satu kebetulan pula sebab Iz pun tak dapat datang sebab dia ada *emergency case*. Esok pun mungkin dia tak datang sekolah...” terang Aril sambil memasukkan tapak tangannya ke dalam kocek seluar jeannya.

“Tapi dia tak bagi tau Zara apa-apa pun...” dengus gadis itu kemudiannya.

Alamak! Macam mana ni? Ana dengan Iz tak dapat datang, takkan aku dengan Aril aje yang nak tengok wayang ni? Segannya aku dengan mamat ni... desis Izara

sendirian dalam hati.

"Mungkin dia tak sempat bagi tau kut..." Aril menjawab ringkas cuba menghilangkan keresahan yang mula menyapa mereka.

Izara kaget seketika. Dia memandang sekeliling sambil mengharap reaksi daripada Aril namun dia hampa apabila lelaki itu hanya mendiamkan diri.

Izara kelemasan. Dia tahu anak mata Aril memandang ke arahnya namun dia tidak mampu membalas renungan itu. Dia ingin sahaja pergi dari dari situ agar ribut perasaannya kembali reda.

"Hmmm... Kalau macam tu, kita balik ajalah..." Tiba-tiba Izara bersuara memecah kesunyian yang telah mula mencengkam.

Ketika itu dapat dilihat dengan jelas rasa kecewa yang bermukim di wajah Aril.

"Zara, alang-alang kita dah kat sini, apa kata kalau kita tengok wayang ni? Lagipun Aril dah beli tiket, rugi pula kalau nak buang saja..." Lelaki itu menyuarakan pendapatnya.

Izara diam seketika sambil memikirkan kata-kata Aril yang nyata ada kebenarannya.

"Please... Zara..." Aril cuba merayu sambil menatap wajah mulus gadis yang berada di hadapannya.

"Okey..." ucap Izara setelah berfikir untuk seketika sambil disertai dengan senyuman manisnya.

"Zara, jangan selalu senyum macam ni boleh tak?" tanya Aril perlahan.

Izara diterpa kehairanan.

"Kenapa?" tanya Izara dengan rasa ingin tahu.

“Zara tahu tak, senyum Zara tu yang buat Aril suka kat Zara tau... Maksud Aril, suka sebagai kawan,” kata Aril sambil cepat-cepat menyembunyikan rasa hatinya.

Wajah Izara berubah kemerahan. Dia dipagut rasa malu, namun jauh di sudut hati dia bangga dengan pujian yang baru diterimanya itu.

“Ada-ada aja Aril ni,” ucap Izara sambil tertunduk.

Aril sempat mengintai gadis itu melalui ekor matanya. Wajahnya yang merah padam nyata semakin menyerlahkan lagi keayuannya.

Untuk sedetik waktu, Aril bagaikan terpukau dengan keindahan wajah yang disajikan di depan matanya.

“Zara...”

Umaira menyentuh kedua-dua belah bahu Izara membuatkan gadis itu tersentak daripada lamunan yang panjang.

“Jauhnya termenung, sampai aku panggil pun kau tak dengar...” tegur Umaira sambil menggelengkan kepalanya..

Lama sungguh kenangan lalu singgah di ruang ingatan Izara sehingga dia tidak sedar masa yang berlalu.

“Zara, kau nak makan tak? Kalau kau nak, aku boleh tolong masak kan?” soal Umaira sambil berlalu ke ruang dapur.

Izara hanya menyepi. Pertanyaan daripada Umaira bagaikan tidak didengarinya.

“*I’m talking to you, Izara Aisyah...*” tegas Umaira lagi, kali ini dengan nada yang sedikit tinggi.

Izara kekegetan.

“*Sorry*, kau tanya apa tadi?” Izara menyoal acuh tak acuh.

Umaira mendengus perlahan sambil mendekati temannya itu.

“Kau ni kan Zara, macam orang yang baru putus cinta tau tak... Suka hati kaulah... Janji kau *happy*...” ulas Umaira lagi.

Izara tersenyum hambar lalu bangun menuju ke anak-anak tangga.